


Sheik sasar matlamat tiga hingga lima emas di Sukan SEA KL

PENCAPAIAN, DIHARGAI: Pesilat Team Singapore bergambar dalam majlis Jamuan Malam Penghargaan yang diadakan di restoran bufet Carousel di Hotel Royal Plaza on Scotts kelmarin bagi meraikan kejayaan mereka dalam Kejohanan Pencak Silat Sedunia di Bali bulan lalu. - Foto PERSISI



► **ISMAIL ALI**
ismail@sph.com.sg

PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) menetapkan matlamat memenangi antara tiga dengan lima pingat emas dalam Sukan SEA Ke-29 di Kuala Lumpur Ogos ini.

Sasaran itu ditetapkan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Persisi Sheik Alau'ddin Yacoob Marican yang juga ketua jurulatih skuad silat Team Singapore.

Matlamat itu, kata Sheik Alau'ddin, adalah sasaran yang realistik berdasarkan pencapaian pasukan silat negara memenangi dua pingat emas, satu perak dan lapan gangsa dalam Kejohanan Pencak Silat Sedunia di Bali, Indonesia, bulan lalu.

"Saya menetapkan sasaran antara tiga dengan lima pingat emas bagi Sukan SEA 2017 di Kuala Lumpur kerana berdasarkan persembahan meyakini dua atlit kami yang memenangi gelaran juara dunia berganda di Bali bulan lalu iaitu Muhammad Shakir Juanda dan Sheik Farhan Sheik Alau'ddin.

"Saya juga menjangka satu lagi pingat emas daripada juara berganda Sukan SEA Muhammad Nur Alfian Juma'en.

"Saya juga meletakkan harapan memenangi dua lagi pingat emas daripada Muhammad Iqbal Abdul Rahman menerusi acara seni dan Nurul Suhaila Mohd Saiful dalam acara tanding wanita," jelas Sheik Alau'ddin.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas majlis Jamuan Malam Penghargaan yang diadakan di restoran bufet Carousel di Hotel Royal Plaza on Scotts kelmarin bagi meraikan atlit silat Team Singapore yang memenangi pingat dalam kejohanan dunia itu.

Singapura hanya memenangi satu pingat emas menerusi Muhammad Nur Alfian dalam Sukan SEA 2015 di gelanggang sendiri.

Namun, dengan kehadiran kedua juara dunia berganda Muhammad Shakir, yang baru pulih sepenuhnya daripada kecederaan berpanjangan, dan Sheik Farhan, yang tidak dapat bertanding dalam temasya lalu, peluang Team Singapore memenangi tiga emas cerah.

"Muhammad Nur Alfian dan Nurul Suhaila juga mempunyai harapan memenangi emas.

"Selain itu, kami menjangkakan pingat daripada *dark horses* Abdul Raaziq Abdul Rashid dan gandin-

gan lelaki dan wanita acara seni," tambah Sheik Alau'ddin.

Dalam majlis jamuan yang dihadiri Menteri Sekitaran dan Sumber Air Masagos Zulkifli Masagos Mohamad selaku penaung dan Anggota Parlimen (AP) Lim Biow Chuan selaku penasihat itu, kesemua atlit yang memenangi pingat di Bali menerima habuan wang tunai dan sijil sebagai mengiktiraf kejayaan mereka.

Muhammad Shakir dan Sheik Farhan, yang membawa pulang pingat emas, masing-masing menerima \$2,000 dan plak peringatan, manakala Muhammad Iqbal, yang memenangi perak, menerima \$500.

Kesemua pemenang pingat gangsa menerima \$250 setiap seorang.

"Kami berharap dengan menghargai dan mengiktiraf pencapaian mereka, mereka akan terangsang berlatih lebih keras.

"Atlit ini tidak menerima sebarang habuan atas kejayaan menjadi juara dunia, jadi Persisi memutuskan mengeluarkan wang sendiri untuk menunjukkan kepada mereka bahawa kami menghargai dan mengiktiraf pencapaian mereka dan menyokong mereka," ujar Sheik Alau'ddin.